

**Ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein
di upacara meresmikan Pusat Perkhidmatan Pertanian Temin, Jerantut, Pahang,
pada 28hb. Mac, 1974, jam 4.00 petang.**

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi saya penghormatan meresmikan Pusat Perkhidmatan Pertanian ini serta memberi saya peluang beramah mesra dengan penduduk-penduduk Jerantut khasnya di kampung Temin ini.

Saya mengucapkan terimakasih juga kepada semua pihak yang mengaturkan acara lawatan ke Jerantut ini terutama sekali sambutan yang amat meriah dalam suasana penuh kemesraan sebentar tadi. Pada sebelah pagi tadi, saya dapat kesempatan melawat Pulau Tawar untuk bertemu dengan orang ramai di sana di samping meresmikan pembukaan Sekolah Menengah Ugama Pulau Tawar.

Saya bersyukur dapat membuat lawatan singkat ini sejak kedatangan terakhir semasa pilihanraya kecil Parlimen dua tahun dahulu. Saya sangat berbesar hati atas sokongan yang diberi oleh orang ramai di sini terhadap Kerajaan dan seperti yang kita sama-sama maklum, Jerantut sekarang merupakan satu kawasan pilihanraya Parlimen tersendiri setelah diasingkan dari Lipis. Ini adalah kemajuan dan perkembangan yang wajar oleh kerana Daerah Jerantut semakin bertambah maju sehari demi sehari dan mempunyai potential yang besar pada masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Salah satu projek penting yang menandakan kemajuan di Jerantut ialah Pusat Perkhidmatan Pertanian di Temin ini. Seperti kata Pengarah Pertanian tadi, Pusat ini sudahpun berjalan sejak beberapa lama dalam memberikan perkhidmatan dan tunjuk ajar kepada rakyat kaum tani di daerah ini. Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang, khasnya Jabatan Pertanian, kerana meletakkan perhatian berat kepada bidang pertanian dengan mengadakan infrastructure iaitu Pusat-pusat Perkhidmatan Pertanian seperti ini untuk faedah rakyat luar bandar. Sudah tentulah rakyat di sini, terutama kaum tani Kampung Temin dan kampung-kampung yang berdekatan membawa ke Tebing Tinggi dan Gintong hingga ke seberang sana ke Pulau Tawar dan Kelola dapat menggunakan perkhidmatan yang ada itu. Seterusnya penduduk daerah Jerantut ini amnya akan melihat kemajuan yang lebih luas di bidang pertanian dan menambah pendapatan mereka serta mencapai tingkatan ekonomi yang lebih baik lagi. Kejayaan yang didapati menerusi projek-projek dan program-program itu adalah berkat usaha dan kerjasama antara rakyat dengan pemimpin-pemimpin tempatan seperti Datuk Kahiruddin ini.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang kepada perkembangan masa hadapan, Kerajaan sentiasa mencari jalan dan melaksanakan usaha-usaha yang boleh membawa manfaat kepada orang-orang kita di luar bandar. Kita semua tahu kaum tani merupakan satu golongan masyarakat yang penting di negara ini oleh kerana seperti seringkali saya katakan di masa lalu Malaysia ialah negara pertanian dan akan terus bergantung kepada ekonomi pertanian untuk beberapa lama. Bagaimanapun, kita sedang berusaha meningkatkan bidang perindustrian dan meluaskan bidang perdagangan terutama yang berlandaskan pertanian atau agro-based. Secara ringkasnya bolehlah disimpulkan bahawa bidang pertanian termasuk dalam strateji penting pembangunan hari ini.

Dengan yang demikian, dapatlah kita lihat dan faham betapa mustahaknya kaum tani — samada penanam padi, pekebun getah, penternak kerbau lembu — mempunyai satu organisasi yang kuat supaya segala kegiatan yang bersangkutan dengan kepentingan mereka itu dapat disusun, dilaksana serta dimajukan dengan lebih pesat lagi. Pada masa-masa yang lain, saya ada menerangkan bahawa cara yang sebaik-baiknya ialah menerusi strateji integrated approach — iaitu memusatkan semua badan-badan perkhidmatan di bawah satu pusat pembangunan pertanian atau Agricultural Development Centre. Dengan adanya khidmat ini

Persatuan Peladang ataupun Pertubuhan Peladang dapat memainkan peranan yang cergas bukan saja dari segi penyelarasan hasil pertanian bahkan menjalankan usaha lanjutan di bidang perniagaan iaitu menjual beli hasil dan lain-lain barang keperluan, seterusnya perusahaan seperti memproses buah-buahan.

Oleh yang demikian, dapatlah difaham iaitu Pusat Perkhidmatan Pertanian ini hendaklah benar-benar menjadi operation centre kemajuan tani di mana semua agensi Kerajaan yang terlibat dengan rakyat kaum tani dapat menyelaraskan semua rancangan samada program khidmat nasihat oleh Jabatan-jabatan berkenaan mahupun program perdagangan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Peladang sendiri. Saya pernah berpesan pada masa yang lalu, iaitu dalam hal ini perkara pokok ialah kepentingan rakyat dan kebahagiaan mereka. Maka itu semua lapisan pegawai yang diamanahkan tidak kira apa jawatan mereka hendaklah menjalankan tugas mereka menuju matlamat tunggal iaitu perkhidmatan yang sebaik-baiknya bagi rakyat dan bukan bertanding hendak atas mengatasi sesama sendiri. Saya suka menambah iaitu amat mustahak ada hubungan dan persefahaman antara sesama pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan, antara pegawai-pegawai Kerajaan dengan wakil-wakil rakyat dan antara sesama mereka dengan seluruh rakyat di kawasan itu. Kalau terdapat keadaan seperti ini, saya yakin usaha-usaha kita akan berhasil dengan penuh kejayaan. Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum dan tidak siapa menafikan iaitu Jabatan Pertanian di Pahang ini melalui extension servicenya berjaya membentuk Persatuan Peladang dan kejayaan Persatuan ini adalah berkat azam serta dedikasi pegawai-pegawai dan kakitangan tidak terkecuali sesiapa pun. Dengan tertubuhnya Lembaga Pertubuhan Peladang yang menggabungkan Persatuan-persatuan Peladang dan Agro-based Co-operatives, saya ingin melihat khidmat agensi-agensi Kerajaan itu hendaklah terus berjalan kerana tujuan kita ialah meninggikan kemampuan untuk memberikan khidmat yang berkesan. Janganlah salah faham pula kerana Lembaga Pertubuhan Peladang bukanlah mengambil alih kuasa sebarang Jabatan tetapi hendak menyelaraskan perjalanan badan-badan pertubuhan rakyat supaya lebih effective dan berhasil kerja-kerjanya.

Saya harap semua yang berkenaan benar-benar memahami hakikat ini dan menjauhkan dari personal rivalry hingga memesongkan tujuan Kerajaan. Kewajipan kita yang utama ialah menggerakkan tenaga rakyat tani demi kemajuan dan kepentingan mereka disamping memberikan khidmat yang jujur dan ikhlas supaya cita-cita membina masyarakat modern akan segera tercapai. Kalau ada antara pegawai-pegawai yang tidak mahu sedar atau bersikap membeku seperti dizaman penjajah dulu, saya fikir baiklah dia membetulkan haluan dan membaiki sikap itu. Patut diingat kepentingan negara terletak diatas segala-segalanya dan hendaklah ditinggalkan amalan mementingkan diri sendiri. Seterusnya kita — baik saya dan ahli-ahli politik mahu pun pegawai-pegawai Kerajaan — hendaklah memandang rakyat sebagai tempat tumpuan khidmat oleh kerana rakyatlah yang meletakkan kita ditempat kita berada sekarang ini. Dalam Zaman pembangunan dan kemajuan ini rakyat tidak sanggup menunggu berlama-lamaan dan oleh itu semua punca yang menghalang kemajuan hendaklah dihapuskan sesuai dengan semangat Gerakan Pembaharuan. Saudara-saudara sekalian.

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya sukalah sekali lagi menggesa rakyat kita khasnya kaum tani di sini supaya melibatkan diri menyertai Pertubuhan Peladang tempatan dan menggunakan segala kemudahan yang ada di Pusat Perkhidmatan Pertanian ini; Segala alat kelengkapan dan barang-barang keperluan lain memang disediakan — jentera-jentera, benih, baja, lori pengangkutan dan sebagainya — dan semua ini ialah untuk faedah kaum tani kita. Inilah masanya peluang terbuka dengan luas bagi semua yang ingin membaiki keadaan hidup dan meninggikan taraf ekonomi supaya keluarga kita menikmati keadaan yang lebih baik dan anak-anak dapat meningkat lebih maju di masa hadapan. Gunakanlah peluang ini sebaik-baiknya apatah lagi sebagai umat Islam kita wajib berusaha untuk kebaikan didunia dan untuk akhirat.

Dengan kata-kata itu saya dengan sukacita meresmikan Pusat Perkhidmatan Pertanian Temin sambil berdoa mudahan-mudahan melalui Pusat ini rakyat di sini khasnya dan seluruh negara amnya akan menikmati hidup yang makmur dan bahagia.